

# FORMULA TATABAHASA

Facebook:

<https://www.facebook.com/koleksibbm/>

## 1. pecahan – ditulis di akhir ayat bukan di tengah

1. dua setengah kilogram ( X )
2. dua kilogram setengah ( ✓ )
3. tiga setengah minit ( X )
4. lima liter suku ( ✓ )
5. tiga suku jam ( X )

## 2. ayat pasif(kata ganti nama 1,2) tiada oleh , di KGN 3 ada di..oleh

1. Roti itu dimakan oleh saya. ( X )
2. Roti itu saya makan. ( ✓ )
3. Roti itu kamu makan. ( ✓ )
4. Roti itu dimakan oleh mereka.( ✓ )
5. Roti itu mereka makan. ( X )

## 3. membuat / berbuat = abstrak/bukan benda

1. Jangan membuat bising. ( X )
2. Jangan berbuat bising. ( ✓ )
3. berbuat begitu ( ✓ )
4. membuat begitu ( X )
5. berbuat demikian ( ✓ )

## 4. antara(bukan tempat) / di antara(tempat)

1. Antara hobi saya ialah membaca buku. ( ✓ )
2. Di antara hobi saya ialah membaca buku. ( X )
3. Rumah saya terletak di antara tingkat satu dengan tingkat tiga. ( ✓ )
4. Fatimah duduk di antara Julia dengan Mariam. ( ✓ )
5. Antara alat-alat tulis yang dibeli olehnya ialah pensel, pembaris, pen dan pemadam. ( X )

## 5. di dalam (lubang/ruang) / dalam (abstrak/tidak nampak)

1. di dalam ingatannya ( X )
2. dalam ingatannya ( ✓ )

3. di dalam bilik ( ✓ )
4. dalam mesyuarat ( ✓ )
5. di dalam hatinya ( X )

6. ialah(kata nama,kata kerja) / adalah(kata sendi,kata adjektif)

1. Ramli ialah abang saya. ( ✓ )
2. Ramli adalah abang saya. ( X )

3. Mesyuarat itu adalah dari pukul 8:00 pagi hingga 10:00 pagi.( ✓ )

4. Punca pencemaran adalah seperti pembuangan sisa toksik oleh pihak

kilang. ( ✓ )

5. Hobi saya adalah bermain badminton. ( X )

7. \_\_\_\_\_ jangan = **Harap sahaja**

1. Harap jangan merokok. ( ✓ )
2. Sila jangan merokok. ( X )
3. Tolong jangan merokok. ( X )
4. Usah jangan merokok. ( X )
5. Jangan merokok. ( ✓ )

8. meN-...-i (**orang**) / meN-...-kan (**benda**)

1. menasihati Ali ( ✓ )
2. menasihatkan Ali ( X )
3. menghidangkan tetamu ( X )
4. menghidangkan nasi lemak ( ✓ )
5. menaiki bendera ( X )

9. (**orang**)di-...-i(**benda**) / (**benda**) di-...-kan (**orang**)

1. Pingat kecemerlangan dihadaikan kepada Fatimah. ( ✓ )
2. Fatimah dihadaikan pingat kecemerlangan. ( X )
3. Fatimah dihadahi pingat kecemerlangan. ( ✓ )
4. Menteri itu dianugerahkan pingat kebesaran. ( X )
5. Pingat kebesaran dianugerahkan kepada menteri itu. ( ✓ )

10. memper (**kata adjektif**) / memper-...-kan (**kata kerja**)

1. memperdalamkan lubang itu ( x )
2. memperdalam lubang itu ( ✓ )

3. mendalamkan lubang itu ( ✓ )
4. memperkatakan hal itu ( ✓ )
5. memperkata hal itu ( x )

**11. memperisterikan (mengahwinkan orang lain)  
memperisteri(berkahwin dengannya)**

1. Haji Isa memperisterikan seorang gadis kampung. ( X )
2. Haji Isa memperisteri seorang gadis kampung. ( ✓ )
3. Haji Isa memperisterikan anak lelakinya dengan seorang gadis kampung. ( ✓ )
4. Haji Isa memperisteri anak lelakinya dengan seorang gadis kampung. ( X )
5. Haji Isa mempersuamikan anak daranya dengan seorang pemuda kampung. ( ✓ )

**12. meN-...-kan(orang) = buat/beli untuk orang lain**

1. Siti Nurhaliza membuatkan ayahnya secawan teh. ( ✓ )
2. Siti Nurhaliza membuat ayahnya secawan teh. ( X )
3. Kakak menjahitkan ibunya sepasang baju kurung. ( ✓ )
4. Kakak menjahit ibunya sepasang baju kurung. ( X )
5. Kakak menjahit sepasang baju kurung untuk ibunya. ( ✓ )

**13. kata bilangan 'ber' = 2X**

1. berpuluh tahun ( X )
2. berpuluh-puluh tahun ( ✓ )
3. beribu-ribu penonton ( ✓ )
4. beribu penonton ( X )
5. ribuan penonton ( ✓ )

**14. kata bilangan 'ke' = 2X ,tidak perlu penjodoh bilangan**

1. kedua-dua anaknya ( ✓ )
2. kedua anaknya ( X )
3. anaknya yang kedua ( ✓ )
4. ketiga-tiga ekor kucing itu ( X )
5. ketiga-tiga kucing itu ( ✓ )

**15. kata bilangan = B 1**

1. semua murid-murid ( X )

2. semua murid ( ✓ )
3. para pelajar ( ✓ )
4. semua kanak-kanak ( ✓ )
5. ramai budak ( ✓ )

16. ramai (**meriah/seronok**) / banyak (**bilangan/bukan suasana**)

1. Ramai pelanggan di pasar raya itu. ( ✓ )
2. Banyak pelanggan di pasar raya itu. ( X )
3. Ramai orang menonton konsert nasyid itu. ( ✓ )
4. Orang ramai menonton konsert nasyid itu. ( ✓ )
5. Ustaz Aqil Hayy mempunyai banyak peminat ( ✓ )

17. MeN-...-kan(**TIDAK PERLU TENTANG**) / ber (**ADA TENTANG**)

1. Cikgu Norida menceritakan tentang pengalamannya. ( X )
2. Cikgu Norida menceritakan pengalamannya. ( ✓ )
3. Cikgu Norida bercerita tentang pengalamannya. ( ✓ )
4. Hambali sentiasa memikirkan masalah dirinya. ( ✓ )
5. Hambali sentiasa berfikir masalah dirinya. ( X )

18. kata bantu dalam ayat pasif = **SEBELUM ORANG**

1. Wau itu akan saya buat. ( ✓ )
2. Wau itu saya akan buat. ( X )
3. Surat itu telah saya tulis. ( ✓ )
4. Surat itu saya telah tulis. ( X )
5. Orang gila itu pernah kamu lihat? ( ✓ )

19. sebab(**KATA NAMA ABSTRAK**)

kerana / oleh sebab(**KATA HUBUNG**) / oleh kerana(**TIADA**)

1. Jalil tidak datang ke sekolah sebab demam. ( X )
2. Jalil tidak datang ke sekolah kerana demam. ( ✓ )
3. Jalil tidak datang ke sekolah oleh sebab demam. ( ✓ )
4. Jalil tidak datang ke sekolah oleh kerana demam. ( X )
5. Oleh sebab demam Jalil tidak datang ke sekolah. ( ✓ )

20. ia = **ORANG**

1. Saya ada seekor kucing.Ia bernama Si Comel. ( X )
2. Saya ada seekor kucing yang bernama Si Comel. ( ✓ )
3. Kamus itu sangat mahal.Ia berharga RM60.00. ( X )

4. Bersikap rajin amat penting kerana ia menjamin kejayaan. ( X )

5. Kereta Savvy buatan Malaysia.lanya sangat murah.( X )

21. ayat pasif = 7 jenis; 1.di..oleh, 2. di, 3. kena..oleh, 4. kena.,  
5. ter...oleh, 6. ke....an, 7. tiada di oleh(KGN 1,2)

1. Kuih itu dimakan oleh bapa. ( ✓ )

2. Kuih itu dimakan bapa. ( ✓ )

3. Kuih itu dimakan oleh bapa. ( ✓ )

4. Kuih itu termakan oleh bapa. ( ✓ )

5. Kuih itu termakan bapa. ( x )

6. Kuih itu kena makan oleh bapa. ( ✓ )

7. Kuih itu kena makan bapa. ( ✓ )

8. Pencuri itu tertangkap polis. ( x )

9. Pencuri itu kena tangkap polis. ( ✓ )

10. Dia basah kuyup kerana kehujanan. ( ✓ )

11. Saya tertarik dengan keindahan tasik itu. ( ✓ )

12. Saya tertarik oleh keindahan tasik itu. ( ✓ )

22. angka-huruf = ada -

1. 1950an ( X )

2. 1950-an ( ✓ )

3. 1950 – an ( X )

4. lima puluhan ( ✓ )

5. lima puluh an ( X )

23. lain = di akhir ayat,1x

1. masalah-masalah lain ( ✓ )

2. lain-lain masalah ( x )

3. perkara-perkara lain ( ✓ )

4. lain-lain perkara ( x )

5. hal-hal lain ( ✓ )

24. akan = tiada imbuhan

1. menyayangi akan anaknya ( x )

2. sayang akan anaknya ( ✓ )

3. sayang anaknya ( x )

4. merindui ibunya ( ✓ )
5. rindu akan anaknya ( ✓ )

**25. saling = 1x, tidak perlu ganda**

1. Daud dan Arif saling kejar-mengejar ( x )
2. Daud dan Arif saling mengejar ( ✓ )
3. Daud dan Arif kejar-mengejar ( ✓ )
4. Perompak dan anggota polis itu saling menembak. ( ✓ )
5. Perompak dan anggota polis itu tembak-menembak. ( ✓ )

**26. kata ganda bagi imbuhan pinjaman=2x**

1. juru-juruterbang ( x )
2. juruterbang-juruterbang ( ✓ )
3. olahragawan-olahragawan ( ✓ )
4. olah-olahragawan ( x )
5. seniman-seniman ( ✓ )

**27. kata ganda bagi kata nama = 2x kata pertama**

1. guru-guru besar ( ✓ ) = banyak guru besar
2. guru besar-guru besar ( x )
3. guru besar-besar ( ✓ ) = banyak guru yang besar
4. alat-alat tulis ( ✓ )
5. alat tulis-alat tulis ( x )

**28. kata penguat bebas=sas**

1. sangat cantik ( ✓ )
2. cantik sangat ( ✓ )
3. amat kejam ( ✓ )
4. kejam amat ( ✓ )
5. bijak sungguh ( ✓ )

**29. sekali = tidak perlu ter dan paling**

1. KLCC tertinggi sekali. ( x )
2. KLCC tertinggi. ( ✓ )
3. KLCC tinggi sekali. ( ✓ )
4. KLCC paling tinggi sekali. ( x )
5. KLCC tinggi sekali. ( ✓ )

30. ku/ kau = 1 perkataan ,kau tidak boleh di akhir,  
tidak boleh ada kah,tiada imbuhan

1. Buku itu telah kuambil. ( ✓ )
2. Buku itu telah kumengambil. ( x )
3. Ke mana kaupergi tadi? ( ✓ )
4. Itu adikkau? ( X )
5. Kausakitkah?(X)

31. kah = kata tanya awal ayat mesti ada,di akhir ayat tidak perlu,  
di tengah boleh

1. Siapakah nama saudari? ( ✓ )
2. Siapa nama saudari? ( x )
3. Nama saudari siapa? ( ✓ )
4. Nama saudari siapakah? ( x )
5. Yang manakah basikal kamu ? ( ✓ )
6. Cikgu Ali sudah datangkah? ( x )
7. Cikgu Ali sudah datang ? ( ✓ )
8. Sudah datangkah Cikgu Ali? ( ✓ )

32. baharu =benda / baru=masa=PMR/SPM sama

1. Abu Bakar memakai baju baharu. ( ✓ )
2. Abu Bakar memakai baju baru. ( x )
3. Dia baru sampai pagi tadi. ( ✓ )
4. Pengantin baru itu baru sampai dengan kereta baru. ( x )
5. Baru-baru ini, terdapat kes ragut di kampung saya. ( ✓ )

33. apa? / apa-apa / mana? / mana-mana / bila-bila / siapa-siapa

1. Saya tidak tahu apa yang berlaku. ( x )
2. Saya tidak tahu apa-apa yang berlaku. ( ✓ )
3. Kami tidak ke mana-mana semalam. ( ✓ )
4. Kami tidak ke mana semalam. ( x )
5. Datanglah ke rumah saya bila ada masa. ( x )

34. ber-...-kan=kata sendi tidak perlu / ber

1. Orang tua itu tidur bertilamkan surat khabar lama. ( ✓ )
2. Orang tua itu tidur bertilam surat khabar lama. ( x )
3. Orang tua itu tidur bertilamkan dengan surat khabar lama. ( x )

)

4. Ahli pengakap itu mencari jalan berpandukan peta. ( ✓ )
5. Ayah tidur berbantalkan dengan lengan. ( x )

35. belaka = **B 1**

1. Baju itu murah-murah belaka. ( ✓ )
2. Baju-baju itu cantik-cantik belaka. ( x )
3. Mereka bijak-bijak belaka. ( x )
4. Mereka bijak belaka. ( ✓ )
5. Mereka-mereka bijak-bijak belaka. ( x )

36. daripada....kepada=**perbezaan** / dari.....ke=**masa,jarak,tempat**

1. Markah Bahasa Melayunya telah meningkat dari 80% ke 90%.  
(x)
2. Markah Bahasa Melayunya telah meningkat daripada 80% kepada 90%. ( ✓ )
3. Harga minyak petrol telah naik daripada RM1.00 kepada RM1.10 seliter. ( ✓ )
4. Harga minyak petrol telah naik dari RM1.00 kepada RM1.10 seliter. ( x )
5. Jarak dari Tapah ke Slim River ialah 50km. ( ✓ )

37. boleh=**keizinan** / dapat=**memperoleh,guna tenaga**

1. Kamu boleh balik setelah menyiapkan kerja itu. ( ✓ )
2. Selepas kakinya sembuh,dia boleh menunggang basikal. ( x )
3. Dia boleh menjawab soalan itu dengan tepat. ( x )
4. Dia dapat menjawab soalan itu dengan tepat. ( ✓ )
5. Apabila membaca surat khabar, kita boleh mengetahui pelbagai berita terkini. ( x )

38. kata bantu= **boleh bersama**

1. Saya *belum pernah* makan durian. ( ✓ )
2. Adik Lily *masih belum* bersekolah. ( ✓ )
3. Karim *masih sedang* menulis surat.( ✓ )
4. Yati *sudah pernah* melawat Jepun. ( ✓ )
5. Puan Kok *sedang hendak* ke pasar. ( ✓ )

39. sekalian = **B 1**

1. Para hadirin sekalian, ( ✓ )



2. Hadirin sekalian, ( ✓ )
3. Hadirin yang dihormati, ( ✓ )
4. Hadirin yang dihormati sekalian, ( ✓ )
5. Tuan-tuan dan puan-puan, ( ✓ )

40. hanya / sahaja= **tidak boleh bersama**

1. Lamin akan berada di Ipoh hanya seminggu sahaja. ( x )
2. Lamin akan berada di Ipoh hanya seminggu. ( ✓ )
3. Lamin akan berada di Ipoh seminggu sahaja. ( ✓ )
4. Hanya Shi Mei yang lulus ujian itu. ( ✓ )
5. Shi Mei sahaja yang lulus ujian itu. ( ✓ )

41. 1. alat penghawa dingin ( x )

2. alat hawa dingin ( x )
3. pendingin hawa ( ✓ ) = **hawa yang panas perlu didinginkan**
4. penghawa dingin ( x )
5. penyaman udara ( ✓ )

42. 1. nasionalisma ( x )

2. nasionalisme ( ✓ ) **isme bukan isma**
3. plasma ( ✓ )
4. plasme ( x )
5. patriotisme ( ✓ )

43. kami sekeluarga / kami semua / kita semua= **tidak perlu ulang B**

1. Saya dan keluarga akan berkelah di Teluk Batik. ( ✓ )  
Kami sekeluarga akan pergi esok. ( ✓ )
2. Saya dan keluarga akan berkelah di Teluk Batik. ( ✓ )  
Kami akan pergi esok. ( ✓ )
3. Kami semua akan berkelah di Teluk Batik. ( ✓ )
4. Kami akan berkelah di Teluk Batik. ( ✓ )
5. Kita semua haruslah bekerjasama. ( ✓ )

44. di = **sudah tiba, sedia ada** / ke **belum tiba**

1. Mereka sudah sampai di Tapah. ( ✓ )
2. Mereka sudah sampai ke Tapah. ( x )
3. Apabila mereka tiba di tepi pantai, mereka pun membina khemah. ( ✓ )

4. Apabila mereka tiba ke tepi pantai, mereka pun membina khemah. ( x )

5. Kami akan pergi ke sana sebentar lagi. ( ✓ )

45. 1. menengok televisyen ( ✓ )

2. menonton televisyen ( ✓ )

3. memotong getah ( x ) = **lisan**

4. menoreh getah ( ✓ )

5. menggantung baju di ampaian ( x ) = **menyidai**

46. manakala = **2,3.. orang** / sementara=**1 orang**

1. Ibu menanak nasi sementara kakak saya menyang ikan.(x)

2. Ibu menanak nasi manakala kakak saya menyang ikan.( ✓ )

3. Azmi membaca buku sementara menunggu bapanya pulang.  
( ✓ )

4. Sementara menunggu bapanya pulang, Azmi membaca buku.(✓)

5. Danny menyapu sampah manakala Halim mencuci tandas. ( ✓ )

47. atas=**bukan tempat** / di atas=**tempat**

1. Terima kasih atas pertolongan saudara. ( ✓ )

2. Terima kasih di atas pertolongan saudara. ( x )

3. Tahniah di atas kejayaan kamu. ( x )

4. Buku kamu ada di atas meja itu. ( ✓ )

5. Burung berterbangan di atas awan. ( x )

48. kata tanya dalam ayat nyata = **tidak boleh**

1. Saya tidak tahu siapa namanya. ( x )

2. Saya tidak tahu namanya. ( ✓ )

3. Polis akan menangkap siapa yang mencuri. ( x )

4. Saya tidak tahu di mana Cikgu Shaari tinggal.( x )

5. Saya tidak tahu tempat tinggal Cikgu Shaari. ( ✓ )

49. tidak=**kata kerja,kata adjektif** / bukan=**kata nama,**

1. Dia bukan abang saya. ( ✓ )

2. Komputer ini bukan berat.( x )

3. Soalan ini bukan susah. ( x )

4. Soalan ini tidak susah. ( ✓ )

5. Gillian tidak suka bermain bola sepak. ( ✓ )

50. mempunyai= **untuk orang,haiwan** / terdapat / ada

1. Sekolah saya mempunyai sebuah padang. ( x )

2. Sekolah saya terdapat sebuah padang. ( ✓ )

3. Sekolah saya ada sebuah padang. ( ✓ )

4. Semua serangga mempunyai enam kaki. ( ✓ )

5. Saya mempunyai empat orang anak. ( ✓ )

51. untuk = **diperuntukkan sesuatu**

bagi = **mendapat sesuatu,pendapat,boleh tukar ganti dengan 'untuk'**  
(kaji ayatnya)

1. Itulah satu pengalaman indah untuk diri saya. ( x )

2. Itulah satu pengalaman indah bagi diri saya. ( ✓ )

3. Bagi diri saya itulah satu pengalaman indah. ( ✓ )

4. Pasukan tentera berjuang demi untuk negara. ( x )

5. Asrama itu adalah bagi pelajar-pelajar tingkatan 1.( ✓ )

52. kata-kata singkat

1. tak mau = **tidak mahu**

2. tak tau = **tidak tahu**

3. nak pi = **hendak pergi**

4. mak saya = **emak saya**

5. tuk saya = **datuk saya**

6. dah tau = **sudah tahu**

7. kak saya = **kakak saya**

8. tak nak = **tidak hendak**

9. keta tu = **kereta itu**

10. mai sini = **mari sini**

53. adakah= **ya,tidak** / apakah=**benda,perkara,haiwan**

1. Adakah kamu sakit? ( ✓ )

2. Apakah kamu sakit? ( X )

3. Apakah nama haiwan itu? ( ✓ )

4. Adakah yang ada di dalam kotak itu? ( X )

5. Apakah yang terjadi? ( ✓ )

54. dan sebagainya =sama jenis / dan lain-lain lagi= berlainan jenis

1. Nelayan itu mendapat banyak ikan seperti ikan pari, ikan parang dan sebagainya. ( ✓ )
2. Nelayan itu mendapat banyak ikan seperti ikan pari, ikan parang dan lain-lain lagi. ( x )
3. Kamus, buku rujukan, buku cerita dan lain-lain lagi ada di dalam perpustakaan itu. ( x )
4. Kamus, buku rujukan, buku cerita dan sebagainya ada di dalam perpustakaan itu. ( ✓ )
5. Buah-buahan tidak bermusim adalah seperti nanas,ciku, pisang dan lain-lain lagi.( x )

55. raya = 2 perkataan kecuali dijadikan nama khas

1. pasar raya ( ✓ )
2. pasaraya ( x )
3. bandar raya ( ✓ )
4. Bandaraya Kuala Lumpur ( ✓ )
5. Bandar Raya Kuala Lumpur ( x )
6. Bandaraya Ipoh ( ✓ )
7. pilihan raya ( ✓ )
8. jalan raya ( ✓ )
9. hari raya ( ✓ )
10. lebuhraya ( x )

56. goreng = nak makan/goreng apa?

1. Saya suka goreng pisang. ( x )
2. Saya suka pisang goreng. ( ✓ )
3. Tolong goreng pisang itu. ( ✓ )
4. Goreng pisang itu digoreng oleh ibu saya. ( x )
5. Saya suka menggoreng pisang. ( ✓ )

57. kepada / ke = tidak perlu selepas kata kerja kecuali melaporkan,melancong

1. memberitahu kepada Cikgu Siti ( x )
2. memberitahu Cikgu Siti ( ✓ )
3. melawat ke Kuala Lumpur ( ✓ )
4. melawat ke datuknya ( x )

5. melaporkan kepada pihak polis ( ✓ )

58. ter = **ada sangat atau KPgt, salah diletakkan pada KAdj**

1. Dia tersangat nakal. ( ✓ )
2. Dia sangat ternakal. ( x )
3. Baju itu amat termahal. ( x )
4. Baju itu amat mahal. ( ✓ )
5. Baju itu termahal. ( ✓ )

59. ke.....ke / untuk.....untuk..... / di.....di = **2x**

1. Saya tidak tahu sama ada dia ke Ipoh atau ke Johor. ( ✓ )
2. Saya tidak tahu sama ada dia ke Ipoh atau Johor. ( x )
3. Hadiah ini adalah untuk ibu bukan ayah. ( x )
4. Hadiah ini adalah untuk ibu bukan untuk ayah. ( ✓ )
5. Kami tidak pasti sama ada kakak kamu ada di kantin atau perpustakaan. ( x )

60. se..... / se.....se = **2x , 0...0**

1. dari masa ke semasa ( x )
2. dari semasa ke semasa ( ✓ )
3. dari masa ke masa ( ✓ )
4. dari hari ke hari ( ✓ )
5. dari hari ke sehari ( x )

61. setengah =  $\frac{1}{2}$  / sesetengah = **jumlah,sebilangan**

1. Setengah orang tidak suka akan durian. ( x )
2. Sesetengah orang tidak suka akan durian. ( ✓ )
3. Setengah-setengah orang tidak suka akan durian. ( ✓ )
4. Setengah-tengah orang tidak suka akan durian. ( x )
5. Setengah daripada sebuku roti itu dimakan Arif. ( ✓ )

62. beberapa = **jumlah** / berapa = **soalan**

1. Beberapa orang pelajar telah menyertai kursus itu. ( ✓ )
2. Beberapa pelajar telah menyertai kursus itu. ( x )
3. Berapa orang pelajar telah menyertai kursus itu. ( x )
4. Berapa orang pelajarkah telah menyertai kursus itu? ( ✓ )
5. Beberapa hari yang lalu, saya tidak sihat. ( ✓ )

63. = hendak makan apa? naik apa? ke mana?

1. bas mini ( ✓ )
2. mini bas ( x )
3. sos cili ( ✓ )
4. cili sos ( x )
5. Aminah Kedai Jahit ( x )

<https://www.facebook.com/koleksibbm/>

64. telur apa ? ayam apa ? daging apa?

1. ayam telur ( ✓ )
2. telur ayam ( ✓ )
3. ayam daging ( ✓ )
4. daging ayam ( ✓ ) kuning telur

65. 1. Bahasa Melayu ( ✓ ) = nama khas bagi mata pelajaran

2. bahasa Melayu ( ✓ ) = nama am bagi bahasa
3. berbahasa Melayu ( ✓ )
4. berBahasa Melayu ( x )

66. benda + orang

1. bapa kereta ( x )
2. kereta bapa ( ✓ )
3. saya punya wang ( x )
4. wang saya ( ✓ )

67. kata ganda separa + ber...an = B 1, 1 B

1. dedaun berguguran ( x )
2. daun berguguran ( ✓ )
3. lelayang bergantung ( ✓ )
4. layang-layang bergantung ( ✓ )
5. kekacang bertaburan ( x )

68. selain = tidak perlu daripada,dari

1. Selain daripada mengaji, dia juga terpaksa mengulang kaji hari ini. ( x )
2. Selain dari mengaji, dia juga terpaksa mengulang kaji hari ini. ( x )

3. Selain mengaji, dia juga terpaksa mengulang kaji hari ini. ( ✓ )

4. Kita mestilah rajin.Selain itu,kita haruslah berani. ( ✓ )

5. Kita mestilah rajin.Selain dari itu,kita haruslah berani ( x )

69. **(Orang)** menghiaskan **/(Benda)** menghiasi **/(benda)** mengotori **(orang)**mengotorkan

1. Mereka sedang menghiaskan pentas itu. ( ✓ )

2. Mereka sedang menghiasi pentas itu. ( x )

3. Pelbagai bunga menghiaskan pentas itu. ( x )

4. Pelbagai bunga menghiasi pentas itu. ( ✓ )

5. Adik mengotori lantai itu. ( x )

<https://www.facebook.com/koleksibbm/>

70. penjodoh bilangan

1. se**ketul** pemadam ( ✓ )

2. se**utas** tali leher ( ✓ )

3. se**buah** jam dinding ( ✓ )

4. sepuluh butir telur ayam ( ✓ )

5. lima buah rumah-rumah ( x )

71. saja, juga , lagi = **di akhir**

1. Rumah saya rumah batu juga.( ✓ )

2. Rumah saya juga rumah batu.( x )

3. Gadis itu tersenyum saja. ( ✓ )

4. Gadis itu saja tersenyum. ( x )

5. Haji Ali ke Makkah lagi.( ✓ )

72. kata penguat(**tidak perlu**) + kata ganda berirama

1. Rambut Afiqah sangat kusut-masai. ( x )

2. Rambut Afiqah kusut-masai. ( ✓ )

3. Suasana di pasar malam itu sungguh riuh-rendah. ( x )

4. Suasana di pasar malam itu riuh-rendah. ( ✓ )

5. Jalan raya ke Cameron Highlands bengkok-bengkok. ( ✓ )

73. berkali-kali / berulang kali = **B 1 , 1 B**

1. Danny menggeleng-geleng kepalanya berkali-kali kerana tidak bersetuju. ( x )

2. Danny menggeleng-geleng kepalanya kerana tidak bersetuju ( ✓ )

3. Danny menggeleng kepalanya berkali-kali kerana tidak bersetuju ( ✓ )

4. Ramli mengangguk-angguk berulang kali. ( x )

5. Ramli mengangguk berulang kali. ( ✓ )

74. dia (**betul**) / dai (**salah**)

1. diari ( ✓ )

2. dairi ( x )

3. dailek ( x )

4. dialek ( ✓ )

5. dialog ( ✓ )

75. di = **tempat** / pada = **benda**

1. Ada setompok darah di bajunya. ( x )

2. Ada setompok darah pada bajunya. ( ✓ )

3. Doktor membalut luka pada kakinya. ( ✓ )

4. Doktor membalut luka di kakinya. ( x )

5. Jangan bersandar di dinding itu. ( x )

75. ayat songsang

**1.pendepanan frasa kerja transitif,**

**2. pendepanan frasa kerja tak transitif**

**3. pendepanan frasa adjektif**

**4. pendepanan frasa sendi/kata hubung**

1. Sedang membaca buku murid itu. ( ✓ )

2. Tertidur Mawi di situ. ( ✓ )

3. Sungguh besar sekolah itu.( ✓ )

4. Ke Makkah lagi Haji Ali. ( ✓ )

5. Ke Ipoh Cikgu Haslina pagi tadi. ( ✓ )

76. (**pesakit**)menjalani / (**doktor**)menjalankan

1. Doktor Tan sedang menjalankan pembedahan itu.( ✓ )

2. Doktor Tan sedang menjalani pembedahan itu. ( x )



77. **dia = rakan; walaupun sebagai ketua kelas /  
beliau = ada pangkat,jawatan  
(tidak semestinya terkenal sahaja)**

1. Ketua Kelas 6 Merah ialah Ali. Dia baik hati. ( ✓ )
2. Ketua Kelas 6 Merah ialah Ali. Beliau baik hati. ( x )
3. Amalina pelajar terbaik SPM. Dia memang rajin. ( ✓ )
4. Amalina pelajar terbaik SPM. Beliau memang rajin. ( x )
5. Amalina pelajar terbaik SPM. Ia memang rajin. ( ✓ )

78. **Guru Besar = nama khas jawatan  
guru besar = kata majmuk/umum/am**

1. Bapa saya guru besar.( ✓ )
2. Bapa saya Guru Besar di SK. Gunung Rapat. ( ✓ )
3. Semua guru besar sedang bermesyuarat. ( ✓ )
4. Semua guru penolong kanan sedang bermesyuarat. ( ✓ )
5. Guru Penolong Kanan sekolah saya baik hati. ( ✓ )

79. **kata bilangan + penjodoh bilangan tidak perlu kecuali 'beberapa')**

1. sebahagian orang murid( x )
2. sebahagian murid ( ✓ )
3. segala ekor binatang ( x )
4. segala binatang ( ✓ )
5. setiap orang rakyat ( x )

80. **agar / supaya / jika / sekiranya = 1x**

1. Saya berdoa agar supaya Fatin berjaya.( x )
2. Saya berdoa supaya Fatin berjaya. ( ✓ )
3. Saya berdoa agar Fatin berjaya. ( ✓ )
4. Jika sekiranya saya terlupa,tolong hubungi saya.( x )
5. Jika saya terlupa,tolong hubungi saya ( ✓ )

<https://www.facebook.com/koleksibbm/>

## **RAHSIA BINA AYAT**

### **RAHSIA 1 : AYAT AKTIF**

<b>siapa</b>	<b>Buat apa</b>	<b>Di mana</b>	<b>mengapa</b>
<b>Aqil</b>	<b>sedang membaca buku</b>	<b>di biliknya</b>	<b>untuk menambahkan ilmu pengetahuannya.</b>
<b>Kakak</b>	<b>menanam pokok bunga</b>	<b>di halaman rumah</b>	<b>kerana hendak mencantikkan halaman rumah.</b>
<b>Seorang budak lelaki</b>	<b>sedang membeli air tebu</b>	<b>di sebuah gerai</b>	<b>kerana dahaga.</b>

### **RAHSIA 2 : AYAT PASIF : KATA GANTI NAMA 1 & 2 (tiada di,oleh)**

<b>Benda</b>	<b>KG N 1 &amp; 2(siapa)</b>	<b>buat apa</b>	<b>bila</b>
<b>Kuih itu</b>	<b>Saya</b>	<b>makan</b>	<b>pagi tadi.</b>
<b>Beg itu</b>	<b>Kamu</b>	<b>Beli</b>	<b>semalam.</b>
	<b>Aku</b>	<b>Tulis</b>	
	<b>awak</b>	<b>Buat</b>	

### **RAHSIA 3 : AYAT PASIF : KATA GANTI NAMA 3 /PELAKU**

<b>Benda</b>	<b>di...oleh</b>	<b>KG N 3(siapa)</b>	<b>bila</b>
<b>Kuih itu</b>	<b>dimakan oleh</b>	<b>abang saya</b>	<b>pagi tadi.</b>
<b>Beg itu</b>	<b>dibeli oleh</b>	<b>Beliau</b>	<b>semalam.</b>
	<b>Ditulis oleh</b>		
	<b>Dibuat oleh</b>		

